

IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI) UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS) sebuah Universiti Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkeelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

1.0 BUTIRAN JAWATAN

- 1.1 Jawatan : Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- 1.2 Gred : Gred Utama B (VU6) Terbuka
- 1.3 Tangga Gaji : Gaji permulaan dan imbuhan adalah setara dengan Gred Utama B (VU6) mengikut Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)
- 1.4 Taraf Lantikan : Pertukaran Sementara/Pinjaman/Kontrak
- 1.5 Tempoh Lantikan : Tidak melebihi tiga (3) tahun bagi setiap lantikan (tertakluk kepada keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi)
- 1.6 Kelayakan : Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Profesor Madya dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) atau setaraf dengannya.

2.0 KRITERIA PEMILIHAN

Kriteria pemilihan adalah berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor Universiti Awam seperti berikut:

2.1 Kriteria Umum

- a) **Kecemerlangan Akademik**
Mempunyai kelayakan Ph.D, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.
- b) **Pengiktirafan Antarabangsa**
Mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

- c) Kebolehan Memimpin dan Mengurus**
Mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap serta mempunyai pengalaman dan rekod cemerlang dalam pimpinan akademik.
- d) Reputasi**
Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record*, disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.
- e) Personaliti**
Seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.
- f) Proaktif**
Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi.
- g) Perwatakan**
Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan negara.
- h) Pengurusan Konflik**
Berkeupayaan mengenal pasti konflik dan menguruskannya dengan baik dan berhemah.
- i) Potensi**
Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan pendidikan tinggi negara secara keseluruhan.

2.2 Kriteria Khusus

a) Berkemampuan menguruskan urusan berkaitan pembangunan dan perkhidmatan pelajar

Mempunyai pengalaman dalam mengurus perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan perkhidmatan pelajar. Calon bertanggungjawab menyelia aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan dan badan pelajar terutamanya Majlis Perwakilan Pelajar agar sebarang aktiviti yang dilaksanakan selari dengan matlamat penubuhan Universiti dan tidak bercanggah dengan dasar-dasar Kerajaan. Calon juga akan bertanggungjawab memastikan perkhidmatan pelajar seperti penginapan, Kesihatan, khidmat kaunseling dan lain-lain aspek perkhidmatan pelajar sentiasa terjamin.

b) Berpengetahuan dalam urusan rekabentuk kursus ko-kurikulum serta program pembangunan pelajar secara holistik

Mempunyai kemahiran dalam merekabentuk ko-kurikulum bercredit berteraskan hasil pembelajaran (LO) dan kemahiran Insaniah (KI) serta aras taksonomi pembelajaran yang selaras dengan atribut efektif yang perlu dihasilkan melalui aktiviti kokurikulum. Calon perlu mempunyai pengalaman dalam menterjemah kokurikulum bercredit kepada program memperkasakan pelajar serta berupaya memberi kesedaran, dorongan dan galakan kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dalam usaha melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

c) Penglibatan dalam jawatankuasa yang berkaitan Hal Ehwal Pelajar

Calon mestilah seorang yang berorientasikan pelanggan dan sentiasa bersedia mendekati pelajar bagi menjaga kebajikan mereka tidak kira siang atau malam. Calon juga perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang psikologi dan kaunseling runding cara sebagai asas untuk mendekati pelajar bagi mengetahui permasalahan mereka. Calon bagi jawatan ini juga akan terlibat dalam pelbagai jawatankuasa termasuk Jawatankuasa Tatatertib Pelajar.

d) Berpengalaman dalam menguruskan kolej-kolej kediaman

Calon mestilah mempunyai asas pengurusan kolej kediaman pelajar di Universiti. Calon juga mestilah mempunyai kemahiran dalam penyelesaian masalah bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan pelajar agar perkhidmatan yang disediakan ini dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

e) Mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan Alumni

Mempunyai hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan alumni. Ini adalah kerana alumni adalah penting sebagai salah satu teras kepada pembangunan dan kemajuan Universiti.

3.0 CARA MEMOHON

- 3.1 Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan dengan menyertakan bersama dokumen-dokumen seperti berikut:
- Surat permohonan rasmi;
 - Ringkasan *Curriculum Vitae* (CV) yang terkini berserta gambar berukuran paspot seperti di lampiran;
 - Key Performance Indicator* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni); dan
 - Dokumen sokongan yang lain.
- 3.2 Sebarang pertanyaan dan permohonan yang lengkap hendaklah dimajukan ke alamat seperti berikut:

CIK HADIJAH ENGSON
Pengarah
Bahagian Pentadbiran dan Governan
Jabatan Pendaftar
Universiti Malaysia Sabah
Aras 4, Blok Selatan, Bangunan Canselori
Jalan UMS, 88400
Kota Kinabalu, Sabah. Malaysia
No. Tel.: 088-320 000 (No. Samb. 101934)
E-mel : upappu@ums.edu.my

- 3.3 Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk sesi temu bual.
- 3.4 **Tarikh tutup permohonan ialah pada 18 Jun 2026 (Khamis).**